



Kumpulan UPM meraikan kejayaan muncul juara Festival Nasyid MAKUM 2013.



Kumpulan nasyid UPM sedang membuat persembahan.

VARSI

REDAKSI

PENYERANG URUSAN KUMPULAN NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid

PENYERANG KUMPULAN BH
Mahfar Ali

PENYERANG EKSEKUTIF BERITA
Norhayati Md Said

PENYERANG EKSEKUTIF RENCANA
Zainor Said

PENYERANG EKSEKUTIF PENGELUARAN
Badruhissham Othman

UPM kekal Juara

Oleh Sarah Aina Shawal
bhnews.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli Festival Nasyid Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) 2013 apabila sekali lagi dinobatkan sebagai juara dan meraih

hadiah wang tunai RM3,000 serta piala iringan, baru-baru ini.

Selain muncul juara, UPM turut merangkul Anugerah Emas kategori lagu dan vokal terbaik selain Anugerah Perak

bagi kategori lirik dan persembahan Terbaik dengan masing-masing hadiah berupa piala iringan.

Tempat kedua disandang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) manakala Universiti Malaya (UM), ketiga. Masing-masing menerima wang tunai RM2,000 dan RM1,000 berserta piala iringan.

Bolot anugerah

USIM turut membolot Anugerah Emas bagi tiga kategori iaitu persembahan, lirik dan busana/tatarias terbaik sementara Anugerah Khas Juri diraih Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Hadiah kepada pemenang disampaikan Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsuddin.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi MAKUM yang juga TNC Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof

Datuk Ir Dr Othman Ahmad Karim.

Sementara itu, ketua kumpulan UPM, Muhamad Hasif Mansor tidak menyangka nasyid berkonsep moden bertajuk Haluan berjaya memikat hati juri sekali gus mengetepikan saingan kumpulan lain yang tidak kurang hebatnya.

Angkat irama nasyid

Katanya, kejayaan mengekalkan kejuaraan dua kali berturut-turut itu ternyata membakar semangat ahli kumpulan untuk terus memartabatkan seni dan irama nasyid dalam kalangan pelajar.

Festival yang berjaya menarik penyertaan 12 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bertajuan memupuk semangat perpaduan serta persefahaman erat antara IPTA dalam menggerakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan serta memartabatkan warisan kebudayaan bangsa.